

FPP

June - November 2024

BizNewz

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

Permingaan Produk

TEBALOI

work-life BALANCE

The Power of PHYSIOTHERAPY

wanita dan MOTOSIKAL

sustainable
SKINCARE

Mental Toughness in Athletic Performance

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date
25 October 2024

BOIKOT ATAU TIDAK?
BOIKOT ATAU TIDAK?
BOIKOT ATAU TIDAK?
BOIKOT ATAU TIDAK?
BOIKOT ATAU TIDAK?

Oleh:

Nur Syikri Harun dan Fathiyah Ismail
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu
Emel korespondan: nursyikri@uitm.edu.my



Solalan tentang sama ada perlu atau tidak untuk memboikot barangan Israel adalah isu yang kompleks dan sering menjadi perdebatan dalam kalangan masyarakat. Isu ini sering dibincangkan dalam konteks politik, ekonomi, dan etika, khususnya berkaitan dengan konflik Israel-Palestin. Keputusan untuk memboikot barangan Israel bergantung kepada pelbagai faktor dan pandangan individu atau kumpulan. Berikut adalah beberapa aspek yang sering diambil kira dalam perbincangan ini:

Kesedaran global berkenaan isu penindasan Israel serta sokongan terhadap Palestin

Salah satu alasan utama untuk memboikot barangan Israel adalah untuk menunjukkan sokongan kepada rakyat Palestin dan menentang tindakan yang dianggap menindas mereka dan menekan Israel agar menghentikan dasar atau tindakan yang dilihat sebagai penindasan terhadap rakyat Palestin. Boikot ini sering dianggap sebagai cara damai untuk memperjuangkan keadilan dan hak asasi manusia dan turut menjadi satu kaedah untuk meningkatkan kesedaran global mengenai isu-isu berkaitan dengan konflik Israel-Palestin.

Tindakan dan Kesan Ekonomi

Boikot ekonomi ini dilakukan bertujuan untuk memberi tekanan kepada sesebuah negara atau syarikat yang terlibat dalam pelanggaran hak asasi atau dasar yang dianggap tidak adil. Dengan tidak membeli barangan keluaran Israel, mereka berharap untuk melemahkan sokongan ekonomi yang secara tidak langsung diharapkan dapat menyumbang kepada penyelesaian konflik penindasan yang berlaku. Secara amnya terdapat dua impak ke atas ekonomi. Yang pertama adalah impak ke atas ekonomi Israel sendiri dan yang kedua adalah impak kepada ekonomi negara yang melaksanakan boikot, terutamanya jika mereka mengimport barangan dari Israel.

Selepas setahun peperangan dicituskan, Israel menghadapi cabaran ekonomi terbesarnya dibandingkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Data menunjukkan bahawa ekonomi Israel sedang mengalami kelembapan paling teruk dalam kalangan negara terkaya di bawah Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD), sebuah organisasi antarabangsa yang mempromosikan dasar-dasar untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan sosial di seluruh dunia. Ia disertai oleh 38 negara, kebanyakannya ekonomi berpendapatan tinggi seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman, Jepun, dan lain-lain.

Keluaran Dalam Negara Kasarnya (KDNK) menguncup sebanyak 4.1% dalam beberapa minggu selepas serangan 7 Oktober 2023 dan kemerosotan ini berterusan hingga 2024, yang mana ia turun sebanyak 1.1% dan 1.4% dalam suku pertama dan suku kedua tahun ini.

Bagi negara yang melaksanakan boikot, banyak produk Israel yang tidak lagi diguna pakai dan keadaan ini adalah baik kepada sektor perniagaan tempatan atau domestik. Para pengguna akan bertindak menggantikan barangan Israel dengan produk tempatan atau dari negara lain dan ini akan menggalakkan perkembangan ekonomi tempatan.

Gerakan BDS (Boycott, Divestment, Sanctions) Gerakan BDS adalah kempen global yang menyokong boikot terhadap Israel dalam usaha untuk menamatkan pendudukan tanah Palestin dan memastikan hak asasi rakyat Palestin dihormati. BDS menganjurkan boikot dalam pelbagai sektor termasuk barangan, akademik, dan budaya.

Pada akhir tahun 2023, McDonald's Malaysia, dikendalikan oleh Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd, telah memfailkan saman fitnah terhadap BDS Malaysia dengan menuntut ganti rugi sebanyak RM6 juta. Saman ini berdasarkan dakwaan bahawa hantaran media sosial BDS Malaysia telah merosakkan perniagaan McDonald's dengan mengaitkannya dengan tindakan Israel di Gaza. Namun, pada bulan Mac 2024, McDonald's Malaysia telah menarik balik saman tersebut selepas BDS Malaysia menjelaskan bahawa tindakan pengendali McDonald's di Israel tidak mempunyai kaitan dengan McDonald's Malaysia. BDS Malaysia telah menyeru boikot terhadap beberapa jenama antarabangsa, termasuk Starbucks dan Nestle, atas dakwaan penglibatan mereka dalam dasar-dasar Israel. Kempen ini telah mendapat sokongan awam yang berbeza-beza. Sebagai contoh, Berjaya Food Bhd, pemegang lesen Starbucks di Malaysia, telah mengalami penurunan harga saham yang ketara, mencerminkan kewujudan sentimen pengguna yang mungkin menyokong tindakan boikot.

Perdebatan Moral dan Etika

Ada yang berpendapat bahawa memboikot barangan Israel adalah cara yang sah untuk mengekspresikan penentangan mereka terhadap ketidakadilan, sementara yang lain pula mungkin melihatnya sebagai langkah yang tidak produktif yang hanya boleh meningkatkan ketegangan. Manakala sebahagian orang pula berpendapat bahawa pendekatan diplomasi dan dialog adalah lebih baik daripada boikot yang boleh dilihat sebagai tindakan yang memecah-belahkan.

Kupasan terhadap isu boikot adalah sangat luas sebenarnya. Namun, sebagai rumusan, kesan boikot barangan Israel terhadap ekonomi dunia adalah bersifat pelbagai dan tidak boleh dipandang remeh. Tindakan boikot dapat mempengaruhi ekonomi Israel, negara yang melaksanakan boikot, serta rantai bekalan global. Walau bagaimanapun, kesan ini sering bergantung kepada pelbagai faktor termasuk skala boikot, jenis barangan yang diboikot, dan respons negara lain terhadap tindakan tersebut. Keputusan untuk memboikot barangan Israel adalah isu peribadi yang bergantung kepada nilai, kepercayaan, dan perspektif individu. Sebaiknya, seseorang itu harus memahami isu-isu yang berkaitan dan mengambil keputusan berdasarkan maklumat yang lengkap dan konteks yang ada.

Rujukan:
BDS, Freedom, Equality Justice (n.d.). What is BDS? Retrieved from: <https://bdsmovement.net/>

The Star (22 March 2024). McDonald's withdraws defamation suit against BDS Malaysia Retrieved from: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/22/mcdonald039s-withdraws-defamation-suit-against-bds-malaysia>

The Conversation (n.d.). Israel: 11 months of war have battered the country's economy. Retrieved from: <https://theconversation.com/israel-11-months-of-war-have-battered-the-countrys-economy-237915>



eISSN 2600-9811



9 772600 981003

BizNewz 2024

Faculty of Business and Management

Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun

Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA

Tel: +609-8400400

Fax: +609-8403777

Email: biznewzuitm@gmail.com